


Kembalinya Dinar Emas dan Dirham Perak *Mata Wang Umat Islam*

Zuhaimy Ismail



2.404
UH



Kembalinya Dinar Emas dan Dirham Perak

Mata Wang Umat Islam

Zuhaimy Ismail



Penerbit
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai
Johor Darul Ta'zim
2003

PUSTAKA PERDANA



1005971

Kandungan

<i>Kandungan</i>	v
<i>Prakata</i>	vii
<i>Penghargaan</i>	xi
Bab 1 Pengenalan Isu Wang Dinar-Emas	1
Bab 2 Ekonomi Umat Islam di Malaysia	17
Bab 3 Riba Musuh Manusia Sejagat	29
Bab 4 Mengenal Wang dan Wang Kertas	41
Bab 5 Ke Arah Pembentukan Sistem Kewangan Stabil	63
Bab 6 Masa Depan Penuh Harapan	77
Lampiran A	97
Lampiran B	101
Rujukan	103
Indeks	107

Prakata

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Pada ketika dunia Islam dalam ketegangan sekarang ini, negara Islam telah diserang dengan berbagai-bagai cara – pada saat buku ini sedang disiapkan saudara kita rakyat Palestin dibunuh kejam oleh rejim Yahudi. Sebelum itu, negara Afghanistan dibom dan ditawan oleh Amerika, Bosnia dihancurkan dan Kosovo ditawan oleh NATO, Chechnya diperkosa oleh Russia manakala mata wang negara-negara Islam di rantau Asia diserang oleh spekulator mata wang. Bersesuaian sekali dengan apa yang dikatakan dan diistilahkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir mentakrifkan mereka ini sebagai “penyangak mata wang”. Masyarakat Islam kini dihina, suara mereka tidak diterima dan ramai pula yang terperangkap dengan tipu helah Yahudi dan konco-konconya.

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya penulis telah diberi petunjuk dan berjaya menghasilkan buku ini. Buku ini cuba untuk membawa harapan baru kepada umat Islam seluruh dunia khasnya di Nusantara. Buku ini cuba menerangkan tentang Dinar-emas dan Dirham-perak mata wang umat Islam. Bukan tujuan penulis hendak mengislamkan mata wang tetapi mata wang Dinar dan Dirham inilah mata wang umat Islam yang pernah digunakan sejak zaman Saidina Umar ibn al-Khattab sehinggalah kepada kejatuhan pemerintahan Uthmaniah di Turki. Semasa kegemilangan Islam, perdagangan merupa-

kan aktiviti utama masyarakat. Ini seiring dengan sabda Rasulullah s.a.w “*Sembilan daripada sepuluh rezeki itu datangnya daripada perdagangan*”, (Sahih Muslim). Mereka berdagang menggunakan sistem mata wang Dinar-emas dan Dirham-perak yang mempunyai nilai intrinsik atau nilai tersendiri.

Dinar-emas dan Dirham-perak adalah mata wang yang dikenali oleh orang Islam sebagai mata wang syariah umat Islam. Dinar-emas dikhaskan mengikut timbangan berat 4.25 gram berat emas 22 karat dan Dirham-perak mengikut timbangan berat bersamaan 3 gram perak sterling. Umar ibn al-Khattab telah menetapkan piawaian berat dan ukuran perbezaan antara Dinar dengan Dirham berdasarkan berat relatif kedua mata wang emas dan perak “7 Dinar mestilah bersamaan dengan 10 Dirham dalam ukuran berat”. Sejak itu, Dinar dan Dirham telah menjadi mata wang umat Islam di seluruh dunia. Dinar dan Dirham akan terus menjadi mata wang umat Islam sehinggalah ke akhir zaman.

Kejatuhan pemerintahan Islam memberikan satu perkembangan baru dalam penggunaan mata wang di kalangan umat Islam. Mengikut sejarahnya, emas dan perak pada mulanya digantikan oleh tukang emas pada zaman itu dengan kertas dalam bentuk resit. Oleh kerana tukang emas mempunyai tempat penyimpanan emas yang kebal, justeru ramai para penyimpan menyimpan emas atau wang mereka dengan tukang emas – pada ketika itu kebanyakan tukang emas adalah orang Yahudi dan penyimpan diberi resit-janji membayar kembali jika dituntut. Tukang emas yang tamak (Yahudi) mengeluarkan resit melebihi daripada apa yang ada pada mereka dan mengenakan faedah kepada peminjam dan dari sini jugalah bermulanya sistem perbankan dan kelahiran wang kertas. Semua bank di dunia sekarang ini meminjamkan wang melebihi daripada apa yang mereka ada dan mengenakan faedah, situasi ini seterusnya menghasilkan apa yang dikatakan ‘inflasi’. Berbagai-bagai pendekatan ekonomi kemudiannya diperkenalkan bagi menjustifikasikan penjanaan lebih banyak wang kertas dengan berbagai-bagai istilah yang tidak mudah difahami masyarakat umum. Kad kredit dulu hanya diberikan kepada mereka yang berpendapatan dan berkedudukan tinggi sahaja boleh memperolehi, tetapi kini batas pemilikan dilebarkan hingga budaya pemilikan kad ini semakin menular menjadikan ramai masyarakat memiliki dan hidup dalam kredit atau hutang.

Sebenarnya Islam itu mudah dan kita tahu akan mudahnya, sistem

perdagangan Islam itu mudah dan Dinar-Islam itu mudah. Ibadah dalam Islam itu mudah. Zakat dibayar dalam Dinar dan Dirham, iaitu mata wang umat Islam. Umat Islam seharusnya tahu bahawa mereka ditinggalkan dengan satu sistem kewangan sendiri, justeru terpulang kepada umat Islam untuk mengambilnya kembali dan berusaha supaya melahirkan semula peradaban perdagangan yang adil.

Sistem ekonomi sekarang dilihat terpesong jauh daripada sifat adilnya. Sistem kapitalis berasaskan kepada kekuatan kapital yang ada dan akhirnya cenderung kepada mewujudkan sebuah masyarakat kaya bertambah kaya. Aturan perniagaan umat Islam berasaskan syariat dan amalan kehidupan di Madinah di zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat, perlu diusahakan untuk memulihkan masyarakat yang semakin runtuh angkara jahat musuh-musuh Islam. Mereka mengamalkan monopolisme dengan menghapuskan perdagangan Islam dan menggantikannya dengan sistem pasaraya serta jaringan pengedaran barangan (monopoli) dari satu sumber sahaja dan penjualannya dari kedai-kedai atau rangkaian pengedar dan bukannya dari pasar bebas.

Buku ini juga mengimbas kembali beberapa saranan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia terhadap penggunaan Dinar-emas sebagai mata wang bagi digunakan di kalangan blok perdagangan pertubuhan negara-negara Islam atau OIC. Sistem mata wang Dinar-emas dan Dirham-perak ini juga dikenali sebagai sistem IGD (*International Gold Dinar*). Ini amat bersesuaian kerana Dinar-emas memang diterima di seluruh dunia dengan nilai emas sama walau di mana sahaja di dunia ini. Semua usaha untuk mengembalikan sistem ini perlu diteliti dengan cermat agar tidak dilaksanakan secara tergesa-gesa atau dilaksanakan oleh mereka yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata hinggalah membawa kepada kegagalan.

Terdapat penerangan sejarah mata wang, perubahan daripada emas kepada wang kertas, takrifan riba dan pendekatan yang dicadangkan harus diambil bagi mengembalikan sistem perdagangan Islam berdasarkan Dinar-emas dan Dirham-perak.

Penerbitan buku ini adalah untuk memberi penjelasan kepada masyarakat Malaysia dan umat Islam di rantau ini mengenai Dinar-Dirham suatu sistem mata wang Islam yang telah dilupakan, sedangkan mata wang ini mampu mengatasi masalah kebergantungan kepada USD (mata wang Amerika Syarikat) semata-mata yang bersandarkan kepada kepercayaan

bahawa Amerika Syarikat itu 'kuat'. Ini mengingatkan kita kepada firman Allah dalam surah *Al-Ankabutt* yang bermaksud, “....*Perumpamaan kepada mereka yang mengambil selain Allah sebagai pelindung adalah ibarat labah-labah membina rumahnya dan tidak ada rumah selemah rumah labah-labah...*”. Kekuatan kaum kufar itu nampaknya sahaja besar dan kuat tetapi tidaklah sekuat mana dan telah digambarkan kekuatan hanya seperti sarang labah-labah. Kekuatan kufar adalah pada riba sedangkan kekuatan Islam adalah bebas beriba, jika kita kuatkan pegangan kepada tidak mahukan riba akan hancurlah kekuatan mereka, Insyallah. Percayalah apa yang disabdakan adalah kebenaran, dan ini akan dapat kita lihat jika 30% -50% daripada negara umat Islam di dunia ini tidak mahu menggunakan USD, maka barulah kita akan lihat bermulanya kehancurannya.

Zuhaimy Hj. Ismail

2003

Penghargaan

Buku ini ditujukan untuk sesiapa sahaja yang inginkan kebenaran terhadap apa sebenarnya sistem kewangan Islam yang berteraskan emas dan perak. Buku ini tidak dapat ditulis tanpa bimbingan dan ajaran yang diberikan oleh guru saya Shaykh Dr. Abdalqadir As-Sufi, yang tidak pernah mengenal erti penat dalam usaha mengembalikan kekuatan dan kekuasaan umat Islam. Rais Umar Vadillo adalah insan yang sentiasa mendorong saya untuk terus melakukan sesuatu bagi menyebarkan ajaran bahawa riba itu adalah musuh umat Islam. Kepada kedua ibu bapa saya yang telah pergi terlebih dahulu, tanpa doa restu kedua mereka usaha menjayakan penulisan ini tentu sekali tidak kesampaian. Moga Allah mencucuri Rahmat-Nya kepada kedua-dua ibu bapaku. Penghargaan diberikan kepada isteri saya Prof. Madya Dr. Wan Aini Wan Ibrahim di atas sokongan dan kesabaran beliau. Prof. Madya Dr. Mahamad Hakimi Ibrahim dan isterinya Dr. Norizan Isa yang sentiasa sedia berkongsi pengetahuan tentang isu riba dan usaha untuk mengembalikan Dinar-emas dan Dirham-perak di kalangan Umat Islam, Saudara Syed Anwar Al-Bukhary, Saudara Khalid Noorshah dan seluruh saudara pergerakan Murabitun sedunia.